

Jangan Terpedaya "Tawaran Bukan-bukan" Pembangkang - Muhyiddin Bernama
16 April, 2013

JOHOR BAHRU, 16 April (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mengingatkan rakyat supaya tidak menggadaikan masa depan negara dengan menerima apa yang disifatkannya sebagai "tawaran bukan-bukan" pembangkang dalam manifesto pilihan raya mereka.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan apa yang dijanjikan pembangkang itu tidak realistik serta tidak memberi faedah kepada rakyat dan negara pada masa depan.

Beliau menarik perhatian apa yang dijanjikan dan dilakukan Barisan Nasional (BN) menerusi pelbagai dasar dan bantuan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), telah banyak memberi manfaat kepada rakyat.

"Jangan gadai masa depan kita (apabila) hanya kita fikir soal tawaran yang bukan-bukan dibuat pembangkang (dalam manifesto mereka).

"Kita ada pandangan jauh berbanding pembangkang...mereka (hanya) nak popular," kata Muhyiddin ketika merasmikan Himpunan Komuniti Usahawan Tekun di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor di sini, hari ini.

Menurut Muhyiddin, janji yang dilontarkan pembangkang melalui manifesto mereka seperti menghapuskan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan bayaran tol adalah sesuatu yang sukar untuk dilaksanakan.

Ia, katanya, dibuat semata-mata untuk meraih undi bagi mencapai hasrat untuk membolehkan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi perdana menteri.

"Memanglah kalau kita dengar sepintas lalu macam bagus juga sebab tidak payah bayar (PTPTN dan bayar tol)...tetapi ini mengelirukan.

"Apa yang disediakan kerajaan (menerusi PTPTN) adalah daripada sumber kerajaan dan institusi kewangan supaya anak-anak kita dapat melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi.

"Maka, wang yang dibayar semula itu (oleh peminjam) dapat diteruskan untuk memberi pinjaman kepada lebih ramai peminjam yang ibu bapa mereka tidak berkemampuan," katanya.

Justeru, Muhyiddin berkata tiada sebab bagi rakyat untuk menukar kerajaan kerana kerajaan sedia ada terbukti berupaya mentadbir negara dengan baik serta melaksanakan tuntutan rakyat sejak lebih 55 tahun lepas.

"Kalau kita lihat, negara kita aman, selamat dan kekal makmur. Ekonomi berkembang...tiada krisis, rakyat hidup sejahtera, boleh berniaga seperti biasa. Jadi, tidak sesuai untuk kita merombak (menukar) kerajaan," katanya.

Perkara itu, menurut beliau, perlu diperjelas kepada rakyat kerana di saat-saat menghadapi pilihan raya umum kali ini, pembangkang telah menyebarkan secara meluas pelbagai fitnah dan tuduhan terhadap kerajaan.

Mengenai Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun), timbalan perdana menteri

berkata program itu sehingga kini telah menyalurkan pinjaman bernilai lebih RM2.5 bilion kepada 248,000 usahawan di seluruh negara.

Beliau berkata Tekun terbukti menjadi gerakan pembangunan usahawan terbesar di negara ini ke arah membela golongan Bumiputera supaya tidak ketinggalan dalam bidang ekonomi.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut menyampaikan anugerah usahawan Tekun Cemerlang kepada 28 usahawan di negeri ini sebagai mengiktiraf kejayaan mereka dalam bidang perniagaan.

Turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tekun Nasional, Datuk Abdul Rahim Hassan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942384>